

## Persatuan Bahasa Melayu NUS sasar belia berisiko

PERSATUAN Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMNUS) akan memulakan satu program anti-dadah yang menyasarkan belia berisiko.

Program yang dinamakan ‘Paradigma’ itu akan dijalankan dengan kerjasama pesalah dadah kali pertama.

Memberitahu demikian, naib ketua (Jangkauan) PBMNUS yang menerajui program itu, Encik Mohammed Imran Mohamed Ismail, berkata ia merupakan lanjutan daripada sokongan persatuan itu dalam menyebarkan mesej ‘Dadah Itu Haram’.

Menjelaskan tentang usaha tersebut, pelajar tahun kedua jurusan Sains Hayat itu berkata gejala dadah merupakan isu besar.

“Ia tidak boleh diselesaikan beberapa individu sahaja. Masyarakat perlu memainkan peranan. Ramai pesalah mengambil dadah bersama kawan.

“Masyarakat harus kerap memberitahu mereka bahawa dadah itu buruk dan berbahaya,” ujarnya.

Encik Mohammed Imran, 23 tahun, berkata persatuannya memainkan peranan mewakili mahasiswa Melayu NUS.

“Kami belia Melayu. Kalau kita mainkan peranan menyampaikan mesej, belia akan terdorong berjuang bersama.



**MASYARAKAT PERLU MAIN PERANAN:** Naib ketua (Jangkauan) Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMNUS), Encik Mohammed Imran Mohamed Ismail, berpendapat pendekatan menyebarkan mesej ‘Dadah Itu Haram’ ke tempat makan seperti di Bugis, Bukit Timah dan Geylang Serai berkesan kerana mereka dapat berinteraksi dengan belia dan masyarakat, tidak sekadar menyampaikan mesej melalui pelekat atau poster.

“Ia juga sebahagian daripada usaha menanam sikap tanggungjawab membantu masyarakat,” ujarnya.

Beliau dan beberapa rakan daripada persatuan itu telah menyertai Setiausaha Parlimen (Ehwal Dalam Negeri), Ensic Amrin Amin, menyebarkan mesej ‘Dadah Itu Haram’ di tempat makan di Bugis, Bukit Timah dan Geylang Serai.

Menurutnya, pendekatan itu berkesan kerana mereka dapat berinteraksi dengan belia dan masyarakat, tidak sekadar menyampaikan mesej melalui pelekat atau poster.

Usaha menyampaikan mesej anti-dadah akan diteruskan.

Pada minggu depan, beliau berkata mereka akan mengelilingi NUS untuk menyebarkan mesej antidadah seperti yang dilakukan dalam ‘Dadah Itu Haram’.

“Kami harap usaha ini dapat membantu meningkatkan kesedaran bahawa gejala dadah itu merupakan isu besar dan ketara dalam kalangan masyarakat,” ujarnya.

Encik Mohammed Imran berkata tidak ada anggota keluarga atau kenalan yang terlibat dengan dadah.

Namun, persatuannya berasa terpanggil mahu membantu kerana ini merupakan satu tanggungjawab sosial dan masyarakat, dan pelajar NUS mahu turut memainkan peranan, kata beliau lagi.